

# Silat perlu tanggung sendiri

Oleh RAHIME YUSOFF

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) akan membawa bersama skuad silat olahraga dalam kontinjen negara ke Sukan SEA Manila, November depan, tetapi Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) perlu membiayai sendiri kos perbelanjaan.

Pegawai MOM, Sieh Kok Chi, berkata Pesaka perlu membuat permohonan sendiri bagi mendapatkan bantuan kewangan kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi mem-

biayai kos perbelanjaan rombongan mereka.

Ini, katanya, kerana MOM tidak mempunyai peruntukan kewangan kepada rombongan silat.

"Kami sudah mengemukakan surat permohonan bagi mendapat bantuan kerajaan untuk membiayai kontinjen negara ke Manila, tetapi ia tidak termasuk perbelanjaan silat.

"Oleh itu, saya meminta Pesaka agar membuat permohonan sendiri dan MOM akan

menyokong mereka dalam hal ini," katanya, semalam.

Silat olahraga diterima oleh Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila (Mansoc) dalam mesyuaratnya pada Jumaat lalu bagi dijadikan kejuaraan khas kerana pingat emasnya tidak akan dikira dalam pungutan pingat kerana sukan itu.

Kok Chi berkata, Pesaka mungkin terpaksa menghantar rombongan yang besar membabitkan kelengkapan teknikal dan pegawai teknik

ke Manila bagi menjayakan kejuaraan silat olahraga dan sudah pasti memerlukan perbelanjaan besar.

Ini, katanya, Manila tidak mempunyai kepakaran bagi menganjurkan kejuaraan silat.

Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) dan Mansoc hanya menyediakan tempat dan perbelanjaan pengurusan.

Bagaimanapun, kata Kok Chi, Pesaka perlu berbincang terlebih dulu dengan Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah.

8 AUG 1991